

GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL BAGI JURNAL AL-UMMAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

1. PENGENALAN

Jurnal AL-UMMAH merupakan sebuah jurnal ilmiah berwasit tahunan yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Jurnal ini memuatkan perspektif Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah terhadap isu-isu ummah yang berlegar dalam persoalan kehidupan dan mencakupi ranah akidah yang merupakan tunjang keyakinan ummah, ranah syariah yang merupakan peraturan kehidupan ummah, ranah tasawuf yang menyentuh aspek kerohanian dan akhlak, ranah pendidikan yang berkait dengan keilmuan dan ranah sosial yang berkait rapat dengan peradaban ummah. Sesuai dengan nama Jurnal AL-UMMAH, penampilan jurnal ini mengangkat isu-isu kehidupan ummah yang perlu direncami dan dituntasi secara ilmiah, professional dan rasional selari dengan tuntutan dan ajaran tauhid. Sumbangan artikel terbuka kepada semua pegawai di JAIS dan juga sumbangan dari luar JAIS. Sumbangan untuk tujuan penerbitan boleh dikemukakan sama ada dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

2. OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan tatacara penulisan artikel kepada semua penulis yang ingin menyumbangkan artikel untuk dimuatkan dalam Jurnal AL-UMMAH Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ia juga merupakan panduan kepada pihak Lembaga Editorial dan Penyelaras Jurnal dalam proses penilaian dan penerbitan jurnal. Penerbitan jurnal ini adalah di bawah penyelarasan Unit Implementasi Dasar dan Strategi, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

3. SYARAT PENERIMAAN

- i. Artikel yang ditulis hendaklah merupakan karya asli penulis dan belum pernah diterbitkan dalam apa jua penerbitan jurnal, prosiding atau seumpamanya di dalam negara mahupun luar negara dan tiada unsur plagiat.
- ii. Artikel perlu dihantar dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) dalam format *Microsoft Word* seperti yang telah digariskan dalam Perkara 5.

4. PERATURAN PENERBITAN

- i. Penerbitan dan pengedaran Jurnal AL-UMMAH akan diurus oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- ii. Sidang Editor AL-UMMAH berhak menolak dan melarang mana-mana artikel yang dipercayai mempunyai elemen yang bertentangan dengan dasar Jabatan atau boleh membawa serta menjejaskan nama baik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) daripada diterbitkan. Walaubagaimanapun, jika artikel diterima untuk diterbitkan, ia tidak mewakili pendirian Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- iii. Hanya artikel yang diperakukan oleh Sidang Editor sahaja boleh diterbitkan. Keputusan Sidang Editor adalah muktamad dan akan memaklumkan kepada penulis artikel tentang status kelulusan bagi sesebuah artikel.
- iv. Apabila artikel diterima untuk diterbitkan, secara langsung penulis bersetuju menyerahkan hak penerbitan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- v. Hak Cipta Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menetapkan bahawa tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian; artikel, ilustrasi, jadual, isi kandungan jurnal terbitan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam apa jua bentuk, dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman, atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.
- vi. Sebarang keizinan bagi menerbitkan semula Jurnal AL-UMMAH Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) perlu mendapat persetujuan yang tertakluk kepada syarat atau Akta Hak Cipta.

5. FORMAT PENULISAN

- i. Penyerahan awal manuskrip boleh dibuat dalam bentuk *softcopy* (format *Microsoft Word*). Perlu ditaip menggunakan *font* jenis **TIMES NEW ROMAN** bagi aksara rumi dan *font* **TRADITIONAL ARABIC** bagi aksara Arab dengan jarak 1.5. Ayat Al-Qur'an hendaklah menggunakan *rasm Uthmani*.

a. Tajuk Artikel

- Saiz: 14
- *Bold*
- *Centered*

b. Nama Pengarang

- Saiz: 12
- *Normal*
- *Centered*

e. Kata Kunci

- Saiz: 12
- *Normal*
- *Justified*

f. Kandungan

- Saiz: 12
- *Normal*
- *Justified*

c. Maklumat Pengarang

- Saiz: 10
- *Normal*
- *Centered*

g. Rujukan

- Saiz: 10
- *Normal*
- *Justified*

d. Abstrak

- Saiz: 10
- *Italic*
- *Justified*

- ii. **Rujukan** adalah dalam bentuk *Footnote*.
- iii. Penyerahan akhir artikel (setelah dinilai dan disahkan diterima untuk diterbitkan) perlu dibuat dalam bentuk *softcopy* (format *Microsoft Word*).

5.1 ABSTRAK

Abstrak adalah sinopsis artikel yang padat dan ringkas dan merangkumi aspek permasalahan, objektif, kaedah dan dapatan kajian serta kesimpulan. Abstrak tidak boleh melebihi 120 patah perkataan dan perlu ditulis dengan menggunakan format *Italic*, bersaiz 10 dan *justified*. Abstrak hendaklah dalam bahasa artikel dan Bahasa Inggeris.

5.2. KATA KUNCI

Penulis perlu memberikan tiga hingga lima kata kunci dan diletakkan di bawah abstrak. Ia bertujuan untuk memudahkan pencarian maklumat. Tajuk kata kunci perlu ditulis menggunakan format *normal* dan *bold*. Perkataan bagi kata kuncinya berformat *Italic* bersaiz 12 dan *justified*.

5.3 KANDUNGAN ARTIKEL

- i. Artikel hendaklah mengandungi Pengenalan, Pernyataan Masalah, Tujuan Kajian, Soalan Kajian, Tinjauan Literatur, Kaedah/Metodologi, Dapatan Kajian, Perbincangan dan Rumusan.
- ii. Setiap jadual atau gambar rajah yang terdapat dalam artikel jurnal hendaklah ringkas, padat dan jelas.
- iii. Jadual atau gambar rajah ini juga hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1, Jadual 2 dan seterusnya atau Rajah 1, Rajah 2 dan seterusnya. Tajuk jadual perlu diletakkan di bahagian atas jadual, manakala tajuk rajah pula perlu diletakkan di bahagian bawah rajah.

5.4 PENGHARGAAN

Penghargaan (jika ada) diletakkan di bahagian akhir artikel sebelum bahagian rujukan.

5.5. RUJUKAN

- i. Semua rujukan yang disebut dalam teks mestilah disenaraikan. Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber yang tidak dirujuk dalam artikel. Senarai rujukan yang lengkap hendaklah mengikut **Chicago Style**

6. HAK CIPTA

Semua artikel yang diterbitkan dalam Jurnal AL-UMMAH adalah menjadi hak milik mutlak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) boleh menerbitkan artikel ini dalam pelbagai bentuk untuk tujuan ilmiah.

Nota: Setiap artikel hendaklah tidak melebihi 25 muka surat.

7. PENYERAHAN ARTIKEL

Artikel (*softcopy*) hendaklah dihantar mengikut format yang dinyatakan di atas ke e-mail berikut:

jurnalummah@jais.gov.my

8. PENERANGAN & MAKLUMAT LANJUT

Penerangan dan maklumat boleh diperolehi dengan menghubungi talian berikut :

1. Pn. Siti Nor Shahadah Binti Ismail
Tel : 03 55143532
Faks : 03 55128346
Email : shahadah@jais.gov.my
2. En. Mohd Adam Panjaitan Bin Maruli
Tel : 03 55143794
Email : adam@jais.gov.my
3. En. Mohd Azfar Bin Jantan
Tel : 03 55143798
Email : azfar@jais.gov.my
4. Pn. Nor Adawiyah Idayu Binti Mukri
Tel : 03 55143797
Email : adawiyah@jais.gov.my
5. Pn. Nor Asrifah Hanum Binti Basri
Tel : 03 55143797
Email : norasrifah@jais.gov.my

JAWATANKUASA PENERBITAN JURNAL AL-UMMAH
Jabatan Agama Islam Selangor